

**No. 317.**

**FATWA MENGENAI KEDUDUKAN AJARAN ISLAM JAMAAH**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 34 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 [En. 2/92], dan dibaca bersama seksyen 37, Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan setelah berbincang dengan Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan pada 26 Safar 1422 bersamaan 9 Mei 2002 dan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengisytiharkan Fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

“Bahawa ajaran dan amalan Islam Jamaah adalah sesat dan terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar dan oleh itu orang-orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu”.

Bertarikh 27 Mac 2003.

[PU.PK. 07/2001.]

**Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan**

**DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA**  
**Mufti Kerajaan Negeri Perak**